

01/06/1998

DPMT mahu kadar faedah bank 12 peratus

KUALA TERENGGANU, Ahad - Dewan Perniagaan Melayu Terengganu (DPMT) meminta kerajaan memastikan kadar faedah institusi kewangan di negara ini berada di paras 10 hingga 12 peratus kerana kadar yang dikenakan sekarang membebankan semua pihak.

Yang Dipertuanya, Wan Mohd Albakri Mohd Noor, berkata kadar semasa di antara 15 dan 16 peratus terlalu tinggi dan ia memburukkan lagi kedudukan ekonomi negara.

"Kadar faedah tinggi membantutkan pertumbuhan perniagaan kerana barangan yang dikeluarkan tidak menjadi kompetitif kerana kos pengendaliannya meningkat. Bagi mereka yang baru memulakan perniagaan, keadaan ini boleh membunuh perniagaan mereka," katanya kepada Berita Harian, di sini hari ini.

Sehubungan itu, DPMMT menyokong penuh kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menggesa supaya institusi kewangan tidak mengenakan kadar faedah pinjaman terlalu tinggi kepada peminjam.

Malah, kata Wan Albakri, kalau dahulu faktor luar menyumbang kepada permasalahan negara, kini faktor dalam negara seperti kadar faedah tinggi turut memberikan kesan.

Menurutnya, kadar faedah tinggi tidak menggalakkan pertumbuhan ekonomi kerana usahawan muda takut untuk menanggung risiko akibat kerugian dalam perniagaan mereka.

"Kadar faedah yang tinggi sekarang juga menyebabkan ahli DPMMT menghadapi masalah mendapatkan pinjaman walaupun perniagaan itu dijalankan di sektor yang produktif.

"Penurunan ke tahap 10 hingga 12 peratus berkemungkinan dapat menyelesaikan masalah itu. Selain itu, bank juga diminta mengamalkan kadar faedah tetap sebagaimana yang diamalkan dalam sistem perbankan syariah," katanya.

(END)